



# JURNAL AKADEMIK

## UiTM Johor



ISSN 1511 - 9300

JLD 5/ JAN-JUN 2005

### KANDUNGAN

#### PENGURUSAN HARTA WAKAF DI MALAYSIA : CABARAN DAN POTENSI MASA DEPAN

Dr. Hj. Ahmad Zaki Hj. Abd. Latiff, Prof. Madya Abdul Halim Ramli, Che Zuina Bt Ismail dan Kamarulzaman Sulaiman

#### KEUSAHAWANAN : PERANAN DAN SUMBANGAN

Ros Hasri Ahmad dan Maznah A. Hamid

#### PERAKAUNAN ISI RUMAH : KE ARAH PEMBENTUKAN KELUARGA BERHEMADAH

Sharul Effendy Janudin dan Ayu Rita Mohamad

#### REALITI DAN CABARAN DUNIA ANIMASI

Zailani Shafie, Abdul Razak Abu dan Kalthom Mohd Khalid

#### PENDEKATAN TAUHID DALAM SISTEM EKONOMI ISLAM

Sidek Abdullah

#### AN ANALYSIS OF COMPETITIVENESS OF MALAYSIA AIRLINES SYSTEM BERHAD (MAS) :

#### A STRATEGIC MANAGEMENT APPROACH

Veera Pandiyan, K.S. Chandran V.G.R. and Abu Thahir Abdul Naser

#### SEXUAL HARASSMENT : FREE WORKPLACE; " SAY NO TO SEXUAL HARASSMENT"

Gouri d/o Appasamy and Nor Azlina Abdul Aziz

|  |  |
|--|--|
| THE UNIVERSITY OF<br>TECHNOLOGY<br>MARA,<br>Johor,<br>Malaysia<br>2005 | SUPERVISORS IN EARLY ISLAM : A STUDY OF THE WORK OF YAHYA IBN UMAR<br>IN PROMOTING ECONOMIC GROWTH<br>AN ALTERNATIVE APPROACH<br>TO MARKET PERFORMANCE IN DIFFERENT MARKET TREND |
|--|--|

#### ACCOUNTING STUDENTS PERCEPTION ON THE IMPORTANCE OF SKILLS FOR THEIR CAREER SUCCESS

Mohd Halim Kadri

#### MANAGEMENT ACCOUNTING PRACTICES AND ITS CONTRIBUTION TO CORPORATE SOCIAL AND ENVIRONMENTAL RESPONSIBILITY

Syahrul Ahmar Ahmad

#### CALCULATING OVERTIME HOURS FOR CONSECUTIVE DAYS

Prof. Madya Zin Ibrahim

# **KEUSAHAWANAN : PERANAN DAN SUMBANGAN**

**ROS HASRI AHMAD<sup>1</sup>**  
**SITI MASNAH SARINGAT<sup>2</sup>**

## **ABSTRAK**

*Bidang keusahawanan merupakan suatu kerjaya yang mencabar. Mereka yang terlibat dalam bidang keusahawanan ini merupakan seorang yang telah bersedia untuk mengendalikan sesbuah perniagaan yang dimilikinya dan sanggup menghadapi segala risiko dalam perniagaan. Menjadi usahawan dan melibatkan diri dalam bidang perniagaan bermakna kita perlu bersedia untuk berhadapan dengan kejayaan atau kegagalan. Untuk mencapai kejayaan, seseorang usahawan perlu memiliki kebolehan merubah sesuatu yang menjadi masalah pada orang ramai, tetapi pada dirinya masalah berkenaan merupakan peluang perniagaan yang menghasilkan keuntungan dan dapat menyelesaikan masalah orang ramai. Usaha mereka menubuhkan perniagaan sendiri yang mewujudkan pekerjaan pada diri sendiri dan menyediakan peluang pekerjaan kepada orang lain serta sifat usahawan yang sentiasa bersedia dengan cabaran, proaktif, kreatif dan inovatif untuk mewujudkan produk atau perkhidmatan yang berkualiti kepada masyarakat, sebenarnya mereka ini secara langsung atau tidak langsung telah terlibat dalam usaha menjana kemakmuran dan kemajuan ekonomi bagi sebuah negara.*

## **PENDAHULUAN**

Keusahawanan bukanlah suatu bidang yang baru di negara kita. Jika dilihat pada sejarah khususnya pada zaman keagungan Kerajaan Melayu Melaka, negara ini pernah menjadi pusat kegiatan perdagangan antarabangsa yang terkenal. Bagaimanapun selepas negara ini dijajah pada tahun 1511, pengaruh sistem pemerintahan serta pendidikan yang dilaksanakan oleh penjajah khususnya British telah menjadikan kerjaya ‘makan gaji’ di sektor awam sebagai keutamaan di kalangan orang-orang Melayu.

Kini telah mula terdapat perubahan pandangan di kalangan orang Melayu terhadap bidang keusahawanan ini. Kebelakangan ini, didapati semakin ramai kaum Bumiputera melibatkan diri dalam dunia perniagaan. Bagaimanapun menurut pandangan Abdul Razak Omar (1998), secara realitinya jumlah peningkatan penyertaan kaum Bumiputera ini adalah masih rendah jika dibandingkan dengan kaum bukan Bumiputera.

Wan Madznah Wan Ibrahim dan Khalijah Ahmad (1994) pula menjelaskan bahawa antara sebab-sebab seseorang itu melibatkan diri dalam bidang perniagaan adalah kerana ingin mencuba satu usaha baru, menyambut

---

<sup>1</sup> Penulis adalah pensyarah Fakulti Pengurusan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Johor

<sup>2</sup> Penulis sedang mengikuti program Ijazah Sarjana Perakaunan, Universiti Teknologi MARA Shah Alam

seruan kerajaan, untuk menyambung usaha perniagaan yang sedia ada, terdapat tanda-tanda bidang perniagaan yang diceburi oleh seseorang itu mempunyai masa depan yang cerah, untuk menggunakan kemudahan serta merebut peluang yang sedia ada, mempraktikkan teori yang telah dipelajari ataupun bagi seorang Islam pula ingin mengikut sunnah Nabi dan sebagainya.

Sebaliknya bagi kaum Cina menurut Chin Yee Whah (2003), mereka telah menceburi hampir semua jenis industri dan perniagaan yang ada dalam ekonomi Malaysia pada dekat 1960-an. Analisis perkembangan perniagaan milik kaum Cina di Malaysia menunjukkan bahawa salah satu sebab kejayaan usahawan Cina ialah kemampuan komuniti peniaga Cina di Malaysia menyesuaikan diri di bawah pentadbiran kerajaan yang berbeza dan dasar yang berbeza pada zaman yang berlainan iaitu zaman kolonial British (1874-1956), zaman dasar ekonomi bebas (1957-1969), zaman Dasar Ekonomi Baru (1971-1990) dan zaman pasca-Dasar Ekonomi Baru (sejak 1991 hingga kini).

## SEJARAH PERKEMBANGAN BIDANG KEUSAHAWANAN

Kegiatan perniagaan dalam masyarakat, telah lama wujud sejak zaman sistem *barter* atau sistem pertukaran barang dengan barang. Menurut Hisrich dan Peters (1995), sebelum kurun ke-15 telah terdapat kumpulan pedagang yang menjalankan aktiviti jualbeli barang. Namun kegiatan perdagangan dan pelayaran ini dibayai oleh golongan pemodal di mana sebanyak 75 peratus keuntungan adalah milik mereka dan bakinya adalah milik kumpulan pedagang.

Hoselitz (1951) pula menambah, sekitar kurun ke-16 telah wujud kontrak-kontrak untuk menyempurnakan sesuatu kerja pada kadar harga tertentu yang ditawarkan oleh pihak kerajaan kepada para peniaga. Golongan peniaga berperanan untuk menguruskan segala sumber termasuklah buruh dan bahan mentah yang dibeli pada kadar harga yang telah ditetapkan dalam kontrak dan pada ketika ini kegiatan perniagaan belum dikaitkan dengan konsep pengambilan risiko.

Kilby (1971) menjelaskan bahawa, hanya pada kurun ke-17 sesuatu usaha perniagaan itu dikaitkan dengan kesanggupan untuk menanggung risiko. Para peniaga akan mengadakan perjanjian dengan pihak kerajaan bagi menyediakan segala produk atau perkhidmatan yang diperlukan. Mereka yang terbabit dalam usaha ini sebenarnya merupakan pengambil risiko, kerana pembelian dilakukan pada kadar harga tertentu, sebaliknya harga untuk dijual pula masih belum pasti.

Dalam kurun ke-18, usaha untuk membezakan di antara golongan yang mengusahakan perniagaan dengan golongan yang menjadi penyumbang modal telah dikemukakan oleh Jean-Baptiste Say pada tahun 1827. Menurut Say, sungguhpun para penyumbang modal ini terpaksa mengambil risiko di atas pelaburan tetapi mereka bukanlah merupakan seorang pengusaha perniagaan yang sebenar kerana mereka hanyalah sekadar pembiaya bagi perniagaan berkenaan berbanding dengan golongan yang mengusahakan perniagaan yang mengambil risiko untuk mengurus, mentadbir dan mengawasi perniagaan tersebut (Kent, 1984).

Peranan para pengusaha perniagaan atau usahawan sebagai seorang pengurus dan kegiatan mereka yang dapat membantu pembangunan ekonomi

sesebuah negara telah mula diperbincangkan pada kurun ke-19. Ely dan Hess (1937) berpendapat bahawa, seseorang pengusaha perniagaan sebenarnya merupakan individu yang melakukan peranan seorang pengurus seperti merancang, menyusun dan mentadbir perniagaan sebagai satu cara untuk menyempurnakan matlamat peribadi.

Kurun ke-20 pula memperlihatkan peranan pengusaha perniagaan atau usahawan sebagai pihak yang membawa inovasi dalam kehidupan melalui kemajuan teknologi yang telah dipelopori oleh Joseph Schumpeter. Menurut Schumpeter (1952), golongan usahawan merupakan pihak yang membawa pembaharuan atau perubahan ke atas produk yang dihasilkan melalui penggunaan teknologi sama ada untuk mencipta satu produk baru ataupun menghasilkan bahan lama dengan menggunakan kaedah yang baru.

Untuk abad ke-21, Ab. Aziz Yusof (2003) menjelaskan bahawa peranan usahawan perlu berhadapan dengan isu kompleksiti dan kepelbagaiannya di mana ia melibatkan perkara-perkara yang berkaitan dengan tenaga kerja, kepelbagaiannya latar belakang budaya, kecanggihan teknologi, persaingan lebih sengit, corak pengurusan, gaya kepimpinan dan keberkesanannya komunikasi berlandaskan kepada dunia perniagaan yang bersifat global pada masa kini.

Secara keseluruhannya mereka yang terlibat dalam bidang keusahawanan ini akan sentiasa berhadapan dengan pelbagai perubahan, keadaan persekitaran yang dinamik, sentiasa perlu bersedia berfikiran jauh ke hadapan dan perlu bersedia menerima segala perubahan tersebut untuk membolehkan mereka terus berada dalam bidang ini.

## USAHAWAN DAN BIDANG KEUSAHAWANAN

Richard Cantillon dalam penulisan beliau yang bertajuk '*Essai sur la de commerce en general*' pada tahun 1734 yang kemudiannya diterbitkan pada tahun 1755 menyatakan bahawa usahawan itu merupakan individu yang mengusahakan sesuatu di mana perbelanjaannya boleh diketahui tetapi pendapatan yang bakal diperolehnya masih belum dapat dipastikan. Keadaan ini berlaku kerana permintaan yang berada di pasaran tidak dapat diramalkan (Binks dan Vale, 1990).

Perbincangan Jean-Baptiste Say berkaitan dengan keusahawanan dalam penulisan beliau yang bertajuk '*Traite d'economie politique*' (1803) dan '*Cours complet d'economie politique pratique*' (1828) menjelaskan bahawa bidang keusahawanan ini memerlukan kecekapan dari segi membuat pertimbangan, ketekunan dan pengetahuan yang luas dalam menganggar permintaan, pengeluaran yang perlu dibuat, bilangan kakitangan, pelanggan, pesanan bahan mentah, perkembangan ekonomi dan sebagainya (Herbert dan Link, 1982).

Di samping itu, Jean-Baptiste Say menjelaskan bahawa usahawan melaksanakan fungsi-fungsi seperti mengatur, menyelia dan membuat keputusan. Ini bermakna dalam usaha untuk merebut peluang-peluang dalam ekonomi, para usahawan perlulah menjangkakan jumlah permintaan bagi memenuhi keperluan tersebut. Mereka juga berperanan mendapatkan bahan mentah, mengatur dan melatih para pekerja dan dalam masa yang sama mereka perlu mendapatkan para pelanggan (Jennings, 1994).

Joseph Schumpeter pula telah meletakkan faktor inovasi dan eksplorasi peluang perlu ada dalam diri seseorang usahawan (Kent, 1984). Menurut beliau, di antara bentuk-bentuk inovasi yang boleh dilakukan oleh mereka yang bergelar usahawan ialah:

1. Memperkenalkan produk atau kualiti produk yang baru.
2. Memperkenalkan kaedah pengeluaran yang terbaru.
3. Membuka pasaran perniagaan yang baru.
4. Menguasai sumber pengeluaran bagi membekalkan bahan-bahan mentah.
5. Mengembangkan organisasi yang baru bagi mana-mana industri.

Dapat dilihat bahawa pendapat yang dikemukakan oleh Cantillon, Say dan Schumpeter di atas tentang usahawan dan bidang keusahawanan ini terus digunakan sebagai definisi asas bagi para sarjana pada masa kini yang mengkaji dalam bidang berkenaan di samping beberapa penambahan pendapat yang diberikan oleh para sarjana berkenaan seperti penjelasan-penjelasan selepas ini.

Vesper (1980) menjelaskan bahawa usahawan merupakan individu yang menyatukan kombinasi-kombinasi sumber bahan mentah, buruh, modal dan lain-lain aset untuk menjadikannya lebih tinggi dari nilai asal dan mereka juga merupakan individu yang memperkenalkan inovasi dan bahan baru. Kenyataan ini telah disokong oleh Ronstadt (1984) bahawa usahawan merupakan seseorang yang berperanan menyatukan faktor-faktor pengeluaran.

Bagi Kline et. al. (1982) pula, beliau melihat usahawan sebagai individu yang mempunyai keyakinan diri yang tinggi, bersedia untuk menerima apa jua risiko, inginkan kejayaan yang besar, menyelesaikan masalah yang lebih mencabar, bertindak balas dengan cepat, suka mencuba sesuatu yang baru dan tidak mudah berserah kepada takdir tanpa berusaha terlebih dahulu.

Manakala Harwood (1982) pula berpendapat bahawa seseorang usahawan itu perlu memiliki ciri-ciri yang melibatkan keinginan mengambil insiatif, kuasa yang dimiliki untuk mengurus dan mengatur sumber-sumber, mengambil risiko, terlibat dalam keuntungan yang tidak pasti dan inovasi.

Hirsch dan Peters (1995) berpendapat bahawa konsep inovasi dan pembaharuan ini sebenarnya merupakan tugas yang paling sukar kepada para usahawan. Ini kerana ia bukan sekadar memerlukan kemampuan untuk membentuk atau mencipta dan memahami konsep-konsep tetapi juga perlu memahami segala yang berkaitan dengan kerja dan persekitarannya. Pembaharuan juga boleh melibatkan pelbagai perkara termasuklah produk baru, sistem pengedaran sehingga kepada pembentukan struktur organisasi perniagaan yang baru.

Bagi Ronstadt (1984), kegiatan keusahawanan ini sebenarnya meliputi satu proses yang berbentuk dinamik dan ianya digandingkan dengan usaha penambahan kekayaan. Ini dilakukan oleh individu-individu yang sanggup untuk mengambil risiko, menanggung segala ekuiti, mempunyai komitmen terhadap kerjaya ataupun penyediaan nilai untuk sesuatu produk atau perkhidmatan.

Kao dan Stevenson (1984) juga melihat bidang keusahawanan ini mempunyai kaitan dengan kegiatan yang berisiko, bagaimanapun ianya dilakukan setelah peluang perniagaan berkenaan dikenalpasti dan diselaraskan

dengan risiko yang bakal dihadapi. Kemahiran berkomunikasi amat diperlukan dalam bidang ini bagi membolehkan para usahawan mengatur faktor-faktor kewangan, bahan mentah dan tenaga pekerja dengan sempurna bagi membuaikan kejayaan dalam perniagaan.

Hirsch dan Brush (1985) pula berpendapat bahawa, keusahawanan adalah merupakan satu proses untuk mencipta sesuatu yang berlainan melalui penumpuan tenaga dan masa yang secukupnya, disamping itu kegiatan ini disokong pula dengan bekalan kewangan, peralatan fizikal dan ianya juga akan melibatkan risiko sosial. Sebagai balasan kepada usaha berkenaan, mereka akan memperolehi ganjaran dalam bentuk kewangan dan kepuasan peribadi serta kebebasan dalam segala tindakan.

Menurut pandangan Burch (1986), usahawan merupakan individu yang melakukan aktiviti perniagaan, menguruskannya, menyediakan modal untuk memastikan kelangsungan perniagaan berkenaan dan mereka sentiasa bersedia dengan sebarang risiko yang bakal dihadapi. Golongan usahawan ini mempunyai bakat untuk melakukan tawar-menawar dalam urusan jualbeli, mempunyai pengetahuan tentang produk atau perkhidmatan yang ditawarkan dan tahu bagaimana cara untuk menguruskan perniagaan. Pada kebiasaannya mereka memulakan perniagaan dengan menggunakan modal sendiri.

Di suatu sudut, kegiatan bidang keusahawanan merangkumi kebolehan untuk mencipta dan ini adalah berasaskan kepada kemampuan manusia untuk bertindak secara kreatif. Tindakan ini menjadi penggerak utama kepada permulaan dan pembinaan sebuah perniagaan atau organisasi, golongan ini bukanlah hanya sekadar memerhati atau menganalisa sahaja. Mereka juga kemampuan untuk mengukur risiko yang bakal dihadapi baik dari segi peribadi mahupun kewangan dan ini dapat digunakan bagi mengurangkan kadar kegagalan perniagaan. Melalui perniagaan ini juga mereka dapat mengembangkan segala bakat dan kemahiran yang dimiliki. Mereka juga berkebolehan untuk mengenalpasti peluang-peluang perniagaan yang ada, sedangkan orang lain melihat perkara berkenaan sebagai ancaman, mengelirukan dan bertentangan (Timmons, 1990).

Gaedeke dan Tootellian (1991) menjelaskan bahawa, usahawan merupakan individu yang mengurus dan mengatur operasi sesebuah perniagaan di samping terpaksa mengambilkira perkara-perkara seperti inisiatif, risiko dan juga inovasi. Gelaran usahawan ini juga boleh digunakan kepada individu yang menjadi pengasas atau pemilik atau pengurus kepada sesebuah firma perniagaan. Mereka adalah berbeza daripada masyarakat biasa kerana memiliki keinginan terhadap kebebasan dan keyakinan terhadap kejayaan perniagaan yang diusahakan.

Kuratko dan Hodgetts (1995) pula meletakkan usahawan sebagai pengambil risiko bagi sesebuah perniagaan yang baru diwujudkan. Kebiasaannya usahawan merupakan individu yang optimis, sentiasa berusaha kuat dan mempunyai komitmen yang tinggi terhadap tugas mereka. Mereka memperolehi kepuasan hasil daripada kehidupan yang berdikari dalam menguruskan perniagaan berkenaan.

Keterangan-keterangan yang telah diberikan di atas adalah bagi memperjelas lagi apakah yang dimaksudkan keusahawanan atau usahawan dan kegiatan yang boleh dikaitkan dengan bidang ini. Secara keseluruhannya

dapat diperhatikan bahawa untuk memperkatakan tentang bidang keusahawanan atau usahawan ini, sekurang-kurangnya ia perlu mengandungi salah satu daripada ciri-ciri berikut: **mereka sebagai seorang pengambil risiko atau sebagai seorang pengurus bagi sesuatu proses pengeluaran atau sebagai seorang pencipta inovasi** ataupun kombinasi daripada ketiga-tiga ciri yang telah dinyatakan tadi.

## USAHAWAN DAN PENIAGA

Terdapat pelbagai pandangan berkaitan siapa itu usahawan dan ianya sering dikaitkan sebagai seorang ahli perniagaan. Berasaskan daripada keterangan yang telah dinyatakan di atas, sebenarnya terdapat perbezaan di antara usahawan dan peniaga. Ini dijelaskan oleh Martin (1982), tidak semua pengusaha boleh dikategorikan sebagai seorang usahawan. Menurut beliau, individu yang memiliki perniagaan atau memberikan arahan tidak semestinya seorang usahawan kerana ia perlu dibezakan antara pembawa inovasi dengan seorang pentadbir. Individu yang mengambil risiko ke atas modal yang dilaburkan juga tidak semestinya boleh digelar sebagai usahawan kerana mereka mungkin hanya sekadar pelabur sahaja. Begitu juga dengan individu kreatif tidak semuanya boleh dianggap sebagai seorang usahawan, sebaliknya para usahawan sebenarnya adalah individu yang mampu mengenalpasti dan mengeksplorasi idea untuk diinovasikan.

Kline et. al. (1982) menjelaskan lagi bahawa usahawan ini bukan sekadar memulakan perniagaan semata-mata, sebaliknya mereka melakukan peranan yang lebih daripada itu. Mereka ini adalah berbeza daripada peniaga kerana mereka perlu menggunakan segala bakat dan pelbagai idea untuk berhadapan dengan pelbagai perkara yang di luar jangkaan atau berbeza dari kebiasaan.

Menurut Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Habibah Elias (1997) peniaga ialah orang yang membeli, menjual dan mengagihkan barang-barang untuk memenuhi kehendak pengguna. Barang-barang ini selalunya dalam bentuk barang siap. Tugas para peniaga adalah untuk menarik seberapa ramai pelanggan dan ia diusahakan sebagai satu pekerjaan untuk menyara kehidupan harian mereka.

Zafir Mohd Makbul dan Fazilah Mohamad Hasun (2003) turut memberikan padangan yang serupa dengan pendapat di atas di mana seorang usahawan merupakan pencetus idea dan pencipta keluaran baru dan mereka cuba menjual atau memasarkannya. Sebaliknya seorang peniaga pula hanya menjalankan jual-beli keluaran dan perkhidmatan kepada para pelanggannya.

Bagaimanapun boleh dikatakan hampir keseluruhan ciri-ciri yang ada pada usahawan yang telah diterangkan di dalam definisi usahawan dan bidang keusahawanan sebelum ini juga dimiliki oleh peniaga, namun perbezaan yang paling ketara di antara mereka adalah keinginan untuk mencipta sesuatu yang baru ataupun membawa inovasi ke atas produk atau perkhidmatan yang telah ada dalam pasaran. Maka itu Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Habibah Elias (1997) telah mengariskan beberapa perbezaan di antara peniaga dengan usahawan seperti jadual 1.0.

**Jadual 1.0: Perbezaan di antara peniaga dan usahawan.**

| <b>Peniaga</b>  | <b>Usahawan</b>   |
|---|---|
| Sentiasa melibatkan diri dengan usaha urusan jual beli.     | Melibatkan diri dengan usaha mencipta barang keluaran sendiri.                                |
| Sentiasa berusaha untuk menambah keuntungan.                | Mementingkan kejayaan dan bukannya keuntungan semata-mata.                                    |
| Tidak tertarik dengan perkembangan dan perubahan teknologi. | Mengikuti segala pembaharuan untuk menambah kreativiti.                                       |
| Menjual barang yang telah sedia ada dalam pasaran.          | Memperkenalkan barang baru yang boleh menembusi pasaran.                                      |
| Menghadapi persaingan sebagai cabaran biasa.                | Persaingan adalah satu cabaran baru yang boleh menembusi pasaran.                             |
| Berfikir hanya untuk menyelesaikan masalah harian.          | Merunung jauh ke hadapan dan sentiasa berfikir untuk meningkatkan kemajuan pada masa hadapan. |

### KEUSAHAWANAN MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

Secara umumnya, peranan usahawan dan kepentingan bidang keusahawanan sememangnya diakui sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi di samping memenuhi fungsi-fungsi ekonomi yang asas.

Dalam menggerakkan fungsi-fungsi ekonomi yang asas ini, seorang usahawan seharusnya mengambil daya usaha untuk menggabungkan faktor-faktor seperti tanah, modal dan tenaga bagi mengeluarkan sesuatu barang atau perkhidmatan yang boleh mendatangkan keuntungan daripada usaha tersebut.

Mereka juga harus berperanan aktif dalam memperkenalkan secara komersial keluaran baru, teknik-teknik baru atau organisasi perniagaan yang baru. Oleh itu, mereka haruslah berani menanggung risiko selain turut bertanggungjawab dalam pembuatan keputusan bagi menentukan arah sesuatu usaha berkenaan.

Hadis Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: '*Dorongan atas kamu ialah perniagaan kerana di dalamnya ialah sembilan per sepuluh daripada rezeki*'. Ini secara jelas menunjukkan bahawa Islam mengiktiraf kegiatan perniagaan sebagai suatu usaha yang murni dan amat penting dalam kehidupan umatnya, di samping ia turut mengakui fungsi-fungsi di atas (Abdul Sami' al Misri, 1986).

Jiwa Mohd Isa (1991) turut menambah bahawa dalam Islam, perniagaan dianggap sebagai satu ibadah kepada Allah s.w.t. dan tanggungjawab fardu kifayah kepada manusia. Apabila perniagaan itu dilihat sebagai satu ibadah, ia

mestilah dilakukan dengan sempurna untuk mendapatkan keredhaan daripada Allah s.w.t. seperti mana maksud ayat berikut :

*(Ibadat itu dikerjakan oleh) orang-orang yang kuat imannya yang tidak dilalaikan oleh perniagaan atau berjual beli daripada menyebut serta mengingat Allah, dan mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan sememangnya Allah memberi rezeki kepada sesiapa yang dikehendakiNya dengan tidak terhitung. (Surah An Nur: 37)*

Muhammad Nejatullah (1988) menjelaskan bahawa, di dalam al-Quran semua aktiviti manusia adalah ke arah untuk mendapatkan *falah* iaitu mencari kesempurnaan hidup baik di dunia maupun di akhirat. Ini bermakna para usahawan perlu melaksanakan pekerjaannya dengan sempurna dengan memusatkan tumpuan serta niatnya semata-mata untuk mendapatkan keredhaan Allah. Beliau juga berpendapat bahawa usaha untuk mendapatkan kekayaan dan menggunakan di jalan yang betul adalah tidak dilarang di dalam ajaran Islam seperti firman Allah s.w.t. di bawah:

*Dan Ia memudahkan (faedah kegunaan) kamu, segala yang ada di langit dan di bumi (sebagai rahmat pemberian) daripadaNya, sesungguhnya semua itu mengandungi tanda-tanda (yang membuktikan kemurahan dan kekuasaanNya) bagi kamu yang memikirkannya dengan teliti.* (Surah Al-Jaathiyyah: 13)

Sungguhpun telah dinyatakan di atas bahawa segala apa yang ada di langit dan di bumi ini diberikan kepada manusia untuk menggunakan namun terdapat batasannya, kerana ajaran Islam mengamalkan kesederhanaan seperti maksud ayat di bawah:

*Dan carilah pada apa yang telah dikurniakan oleh Allah kepada kamu negeri akhirat dan janganlah kamu lupakan bahagianmu di dunia dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu, dan janganlah kamu melakukan kerosakan di atas muka bumi, sesungguhnya Allah tidak suka orang yang membuat kerosakan. (Surah Al-Qasas: 77)*

Abdul Sami' al-Misri (1986) menjelaskan bahawa, seseorang yang menjalankan aktiviti perniagaan, seharusnya tidak bermotifkan keuntungan semata-mata seperti mana yang ditekankan dalam sistem ekonomi moden masa kini. Sebaliknya ia perlu berasaskan kepada usaha memberi khidmat kebajikan, iaitu menolong orang ramai mendapatkan barang keperluan kehidupan harian mereka supaya tidak mengalami kesulitan sebagai matlamat utama.

Memetik pendapat Yusof Ismail (1991), Islam mengiktiraf matlamat atau niat para peniaga untuk mencari keuntungan. Meskipun demikian, Islam lebih menegaskan kepada keuntungan yang berpatutan dan bukannya untuk mendapatkan keuntungan paling maksimum. Ini adalah kerana sistem ekonomi

Islam adalah berlandaskan kepada perhubungan moral di mana, matlamat untuk mencari keuntungan perlu disesuaikan dengan kepentingan orang ramai.

Ini bermakna seseorang peniaga Islam tidak sepatutnya mencari keuntungan yang berlebih-lebihan, kerana dalam usaha mendapatkan keuntungan sebegini akan lebih mendorong para peniaga untuk melakukan penipuan dan penindasan ke atas orang ramai. Umat Islam adalah ditegah menyalahgunakan harta kekayaan yang dikurniakan oleh Allah s.w.t. dengan cara yang salah, bagaimanapun kebenaran diberikan untuk menggunakan harta kekayaan berkenaan bagi tujuan perniagaan. Namun ia perlu dilakukan dengan cara kedua-dua belah pihak iaitu penjual dan pembeli meredhai urusniaga yang dijalankan, dan ini termasuklah ianya jauh dari unsur-unsur penindasan dan penipuan seperti mana yang diterangkan dalam maksud firman Allah s.w.t. berikut :

*Wahai orang-orang yang beriman, janganlah kamu makan (gunakan) harta-harta kamu sesama kamu dengan jalan yang salah (tipu, judi dan sebagainya), kecuali dengan jalan perniagaan yang dilakukan secara suka sama suka di antara kamu (Surah An-Nisaa': 29).*

Sheikh Muhammad Zakariyya (1994) menerangkan bahawa, kedudukan para peniaga Islam yang menjalankan kegiatan perniagaan secara jujur dan amanah adalah amat dimuliakan oleh Allah s.w.t. seperti mana yang dinyatakan dalam sepotong hadis Rasulullah s.a.w. bermaksud: '*Peniaga yang jujur dan amanah akan bersama-sama dengan para nabi, siddiqin dan syuhada*'.

Di samping itu, terdapat beberapa saranan telah dikemukakan berkaitan dengan etika perniagaan dalam Islam. Antaranya ialah para peniaga perlu mengelakkan dan menjauhkan diri daripada menjual barang atau perkhidmatan yang haram dan najis, atau *syubhat* iaitu yang boleh menimbulkan keraguan sama ada ianya halal atau haram. Begitu juga dengan perniagaan yang melibatkan riba, penipuan serta unsur-unsur perjudian adalah amat-amat dilarang di dalam Islam (Yusof Ismail, 1991).

Hamiza Ibrahim (1994) menjelaskan lagi, dalam ajaran Islam usaha yang dilakukan untuk mencari nafkah bagi menyara kehidupan sehari-hari perlu mengambil kira dua perkara pertama, pekerjaan yang dilakukan hendaklah tidak melalaikan. Kedua, hendaklah pencarian harta dilakukan dengan cara yang halal, bersih dan tidak memudaratkan orang lain dan masyarakat, juga ianya tidak melanggar peraturan-peraturan umum.

Muhammad Nejatullah (1989) berpendapat bahawa dalam amalan perniagaan Islam, para peniaga atau usahawan diwajibkan untuk sentiasa berlaku adil dan jujur dalam segala urusannya. Ia juga perlu berkhidmat untuk kepentingan masyarakat di mana dalam memikirkan keuntungan untuk dirinya, kebijakan masyarakat juga perlu diberikan pertimbangan semasa membuat sebarang keputusan.

Ini adalah kerana konsep perniagaan yang dikemukakan oleh Islam amat luas, menurut Abdul Razak Omar (1998) perniagaan merupakan pertukaran barang dengan barang, barang dengan wang, wang dengan perkhidmatan dan sebagainya di mana ini melibatkan konsep *hablumminannas* iaitu hubungan di

antara manusia dengan manusia, dalam masa yang sama urusan perniagaan ini juga turut melibatkan hubungan di antara manusia dengan Allah atau disebut sebagai *hablumminallah* dari segi keimanan dan kepatuhan kepada ketetapan hukum syarak dalam melakukan urusniaga berkenaan.

Sebagai kesimpulannya, dalam mengharungi kehidupan sehari-hari menurut Abdullah Jusuh (1990), setiap umat Islam perlu menyedari bahawa Islam adalah agama yang menghubungkaitkan antara kehidupan di akhirat dengan kehidupan di dunia. Kehidupan di dunia merupakan perjalanan menuju kehidupan di akhirat. Oleh itu umat Islam diberi peringatan supaya jangan mengabaikan salah satu di antara kedua-dua kehidupan itu demi untuk mendapat keselamatan dan kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat. Kenyataan ini dapat dilihat dengan jelas melalui maksud ayat di bawah

*Kemudian setelah selesai sembahyang, maka bertebaranlah kamu di muka bumi (untuk menjalankan urusan masing-masing), dan carilah apa yang kamu hajati dari limpah kurnia Allah, serta ingatlah akan Allah banyak-banyak (dalam segala keadaan), supaya kamu berjaya (di dunia dan akhirat). (Surah Al Jumu'ah: 10)*

## KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN BIDANG KEUSAHAWANAN

Binks and Vale (1990) menjelaskan peranan usahawan dalam perkembangan ekonomi adalah sebagai golongan yang sentiasa bertindakbalas dengan keperluan pasaran, di sini mereka menjadi agen penyeimbang dalam pasaran. Mereka juga memainkan peranan sebagai individu yang berusaha membangunkan ekonomi melalui memperkenalkan dan menginovasi idea-idea baru bagi menyusun semula kedudukan faktor-faktor pengeluaran dengan lebih sempurna. Melalui tindakan di atas, para usahawan secara tidak langsung mampu untuk memperbaiki keadaan produk atau sesuatu proses.

Wilken (1979) pula berpendapat bidang keusahawanan telah dianggap oleh pihak umum sebagai salah satu faktor penyebab terpenting dalam perkembangan dan pembangunan ekonomi sesebuah negara. Jadi menurut pendapat ini, sekiranya sesebuah masyarakat gemar menjalankan fungsi atau peranan keusahawanan ini bermakna masyarakat berkenaan telah mempercepatkan proses perkembangan dan pembangunan negaranya begitu juga jika mereka bertindak sebaliknya.

Begini juga dengan Sodri Ariffin dan Ahmad Shafee Sabaruddin (2002) turut berpendapat bahawa di Malaysia para usahawan menjadi tunggak utama dan penggerak ekonomi negara. Mereka adalah orang yang menghasilkan pelbagai barang dan perkhidmatan yang diperlukan oleh masyarakat. Aktiviti mereka telah menwujudkan pelbagai peluang pekerjaan kepada masyarakat.

Kenyataan di atas turut disokong oleh Zafir Mohd Makbul dan Fazilah Mohamad Hasun (2003) di mana usahawan ini berperanan penting bagi mencipta dan mengekalkan kedudukan ekonomi sesebuah negara kerana mereka mencipta peluang pekerjaan, menambah keupayaan eksport negara dan meningkatkan pertumbuhan ekonomi negara

Menurut Longenecker et. al. (1994) bidang keusahawanan ini memberikan ganjaran yang menarik dalam bentuk keuntungan yang diperolehi melalui perniagaan yang diuruskan, kebebasan untuk membuat keputusan selaku pemilik perniagaan berkenaan dan juga dapat memberikan kepuasan dalam menentukan cara hidup seseorang.

Meyer dan Allen (1994) juga melihat bidang keusahawanan ini menjanjikan sesuatu yang berbeza dari kebiasaan. Di antaranya adalah kebebasan, kepuasan peribadi dan juga prestij. Secara spesifiknya mereka yang menjadi usahawan ini menjadi ketua bagi perniagaannya, bebas untuk memilih dan melakukan perkara yang disukainya, mempunyai peluang untuk merealisikan kreativiti yang dimiliki, mempunyai pekerjaan yang terjamin dengan pendapatan yang lumayan dan dikenali oleh masyarakat setempat.

Townsley (2003) berpendapat bahawa bidang keusahawanan ini sebagai suatu tempat untuk mereka yang telah rasa bosan bekerja dengan orang lain atau mereka merasakan pekerjaan yang dibuat selama ini kurang mencabar atau tidak memuaskan hatinya. Dengan melibatkan diri dalam bidang ini kita dapat menjadi pemilik, membuat keputusan sendiri, menambah pendapatan, menikmati kehidupan yang lebih baik dan kita dapat melakukan kerja atau aktiviti yang kita suka.

Bagi mereka yang ingin menjadi peneraju di dalam sesuatu bidang, Baumback dan Lawyer (1979) telah mencadangkan agar golongan ini menceburι bidang keusahawanan. Di sini mereka bebas mencuba idea yang dimiliki, menggunakan sepenuhnya bakat yang ada dan boleh melakukan sesuatu yang boleh mengembangkan kemampuan yang ada pada dirinya jika dibandingkan dengan keadaan sebelumnya iaitu menjadi pekerja bagi pihak lain. Mereka berpeluang untuk menggunakan segala kemahiran, pengetahuan, pengalaman dan keinginan untuk merasakan sesuatu yang mencabar atau yang belum pernah dilakukan oleh orang lain.

Bidang keusahawanan menurut Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Habibah Elias (1997), mampu untuk melahirkan manusia yang berdikari dan kreatif. Mereka boleh hidup dengan bekerja dan menujuhan perniagaan sendiri dan boleh menwujudkan peluang pekerjaan untuk orang lain, ini selanjutnya dapat membantu mengurangkan masalah pengangguran dan dapat menambahkan pendapatan.

Mustafa Haji Daud (1994) menjelaskan bahawa kepentingan perniagaan menurut Islam adalah sebagai salah satu daripada jalan untuk menyempurnakan keperluan manusia. Ia juga menjadi institusi perkhidmatan kepada masyarakat, di mana para peniaga perlu mengambil kira barang yang paling banyak memberi manfaat dan kebajikan kepada masyarakat. Kepentingan dan kedudukan perniagaan dapat dilihat di dalam al-Quran, sehingga tarafnya disamakan sebagai satu ibadah.

Abdu! Razak Omar (1998) berpandangan bahawa urusan perniagaan sebenarnya merupakan sebahagian daripada keperluan fitrah semula jadi manusia kerana setiap manusia memerlukan pertolongan, bantuan dan kerjasama daripada orang lain untuk menyempurnakan keperluan hidup masing-masing terutamanya untuk mendapatkan makanan, pakaian dan tempat tinggal. Untuk tujuan itu tiada siapa yang berupaya berdikari dan hidup bersendirian. Segala

kekurangan, kelemahan dan keperluan manusia dapat disempurnakan melalui aktiviti perniagaan.

Menurut Khaairuddin Khalil (1996), usahawan turut memberikan sumbangan kepada pendapatan negara melalui cukai ke atas keuntungan perniagaan yang dijalankan ataupun melalui zakat perniagaan. Melalui hasil yang terkumpul daripada kutipan cukai berkenaan telah membolehkan kerajaan untuk menyediakan pelbagai kemudahan seperti infrastruktur, pendidikan, kesihatan dan sebagainya demi untuk kepentingan dan kesejahteraan masyarakat.

Zaharuddin Yahya (1995) berpendapat bidang keusahawanan ini menjadi tempat bagi insan yang berusaha merealisasikan impian, mewujudkan peluang pekerjaan kepada orang lain dan juga membina sebuah empayar perniagaan untuk diwariskan kepada anak cucunya. Pendapat di atas adalah selaras dengan pandangan Tsao (1993) di mana beliau melihat di dalam institusi keluarga masyarakat Cina wujud satu tradisi budaya menjalankan kegiatan perniagaan dan kemudiannya menyerahkan kawalan perniagaan tersebut kepada generasi berikutnya terutama anak-anak mereka dan generasi seterusnya.

Bagi Wan Liz Ozman Wan Omar (2000) pula mengaitkan kepentingan bidang keusahawanan dengan martabat dan maruah sesebuah bangsa. Menurut beliau ‘kefakiran’ kita dalam bidang ekonomi akan menjadikan kita satu bangsa yang lemah dan daif, ini boleh mengugat kewibawaan kita sebagai satu bangsa yang bermaruah, ada harga diri dan bermartabat. Kelemahan ini akan membuatkan kita sentiasa bergantung kepada belas ikhsan daripada orang lain. Akhirnya kita akan menjadi satu bangsa yang terpinggir, tersisih dan terhumban jauh ke dalam lembah keaiban dan kesengsaraan.

## KESIMPULAN

Secara umumnya dapatlah disimpulkan bahawa peranan dan sumbangan bidang keusahawanan ini merangkumi tiga aspek utama. Pertama, jika dilihat daripada sudut pembangunan ekonomi, ternyata bahawa para usahawan merupakan antara pihak yang mengambil inisiatif untuk menggunakan sebaik mungkin segala faktor-faktor ekonomi seperti modal, buruh dan tanah yang ada bagi menghasilkan produk atau perkhidmatan untuk ditawarkan ke dalam pasaran.

Kedua, hasil daripada inisiatif yang dilakukan oleh para usahawan ini juga telah memberikan manfaat kepada usaha untuk pembangunan masyarakat. Ini semua dapat dilihat bagaimana mereka berusaha untuk menyediakan segala produk atau perkhidmatan bagi memenuhi kehendak serta keperluan semasa masyarakat. Mereka juga turut membawa inovasi kepada masyarakat melalui pengenalan keluaran, teknik atau perniagaan baru dalam pasaran.

Ketiga, bidang keusahawanan juga turut memainkan peranan dalam aspek pembangunan insan. Ini adalah kerana apabila membicarakan kejayaan seseorang usahawan, pastinya mereka ini akan dikaitkan dengan kemampuan untuk membuat keputusan yang tepat bagi menentukan hala tuju sesuatu usaha yang diceburinya dengan rasa tanggungjawab dan sentiasa bersedia untuk menanggung segala risiko di atas keputusan tersebut.

## RUJUKAN

- Ab. Aziz Yusof (2003). *Prinsip Keusahawanan*, Petaling Jaya Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Abdul Razak Omar (1998), *Menjaring Usahawan Bumiputera*, Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Abdullah Jusuh (1990). *Pengenalan Tamadun Islam Di Malaysia*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Sami' al Misri (1986). *Perniagaan Dalam Islam*, diterjemah oleh Ahmad Hj. Hasbullah, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Baumback, C. M. and Lawyer, K. (1979) *How To Organize And Operate A Small Business*, New Jersey : Prentice-Hall Inc.
- Binks, M. and Vale, P. A. (1990). *Entrepreneurship and Economic Change*, London : McGraw-Hill Book Company.
- Burch, J. G. (1986), *Entrepreneurship*, New York : John Wiley and Sons.
- Chin Yee Whah (2003). *Budaya Dan Keusahawanan Cina Di Malaysia*, Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ely, R. T. and Hess, R. H. (1937). *Outlines of Economics*, New York: Macmillan.
- Gaedeke, R. M. and Tootellan, D. H. (1991). *Small Business Management*, Massachusetts : Allyn and Bacon.
- Hamiza Ibrahim (1994). ‘Konsep Kebendaan Dalam Islam’, dalam Syed Omar Syed Agil dan Salina Haji Zainol, *Islam Dan Cabaran Era Baru*, Kuala Lumpur : Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).
- Harwood, E. (1982). ‘The Sociology of Entrepreneurship’ in Kent, C. A., Sexton, D. L. and Vesper, K. H. (eds), *The Encyclopedia of Entrepreneurship*, New Jersey : Prentice Hall, Englewood.
- Herbert, F. R. and Link, N. A. (1982). *The Entrepreneur : Mainstream Views and Radical Critiques*, New York : Preager Publishers.
- Hirsh, R. D. and Brush, C. G. (1985), *The Women Entrepreneur : Starting, Financing and Managing a Successful New Business*, Lexington, MA: Lexington Books.

- Hirsh R. D. and Peters M. P. (1995). *Entrepreneurship : Starting, Developing and Managing A New Enterprise*, Burr Ridges : Richard D. Irwin Inc.
- Hoselitz, B. F. (1951), "The Early History of Entrepreneurial Theory", in *Explorations in Entrepreneurial History*, Vol 3: 193-220.
- Jennings, F. D. (1994). *Multiple Perspectives of Entrepreneurship Text, Reading and Cases*, Ohio : South-Western Publishing Co.
- Jiwa Mohd Isa (1991), Etika Perniagaan, disunting oleh Shiekh Ghazali Sheikh Abod dan Zambry Abdul Kadir, *Pengurusan Perniagaan Islam*, Shah Alam : Hizbi Sdn. Bhd.
- Kao, J.J. and Stevenson, H. (eds) (1984), *Entrepreneurship : What It Is and How to Teach It*, Harvard : Harvard Business School, Division of Research.
- Kent, C. A. (1984). 'The Rediscovery of The Entrepreneur', in Kent, C. A., *The Environment for Entrepreneurship*, Lexington : Lexington Books, D.C. Heath and Company.
- Khaairuddin Khalil (1996). *Keusahawanan Sebagai Kerjaya*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kilby, P. (1971). *Entrepreneurship and Economic Development*, New York : The Free Press.
- Kline, J. B., Stegall, D. P. and Steinmetz, L.L. (1982). *Managing The Small Business*, Illinois, Richard D. Irwin.
- Kuratko, D. F. and Hodgetts, R. M. (1995). *Entrepreneurship : A Contemporary Approach*, Orlando : The Dryden Press.
- Longenecker, J. G., Moore, C. W., and Petty, J. W. (1994). *Small Business Management : An Entrepreneurial Emphasis*, Ohio : South-Western Publishing Co.
- Martin, A. (1982). 'Additional Aspects of Entrepreneurial History', in Kent, C. A., Sexton, D. L. and Vesper, K. H. (eds), *The Encyclopedia of Entrepreneurship*, New Jersey : Prentice Hall, Englewood Cliffs.
- Meyer, E. C. and Allen, K. R. (1994). *Entrepreneurship And Small Business Management*, New York : Glencoe Division of Macmillan/Mc Graw-Hill School Publishing Company.
- Mustafa Haji Daud (1994). *Perniagaan Menurut Islam*, Kuala Lumpur : Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

- Muhammad Nejatullah Siddiqi (1988). *Perusahaan Ekonomi Dalam Islam*, diterjemah oleh Md. Sharit Bharuddin dan Akibah Abu Hassan, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Nejatullah Siddiqi (1989). *Pemikiran Ekonomi Islam : Suatu Tinjauan Penulisan Semasa*, diterjemah oleh Mohd Amin Abdullah, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ronstadt, R. C. (1984). *Entrepreneurship*, Dover, Ma: Lord Publishing Co.
- Schumpeter, J. A. (1952). *Can Capitalism Survive ?*, New York : Harper & Rowe.
- Sheikh Muhammad Zakariyya Al-Khandahlawi (1994). *Perniagaan dan Pencarian Nafkah Hidup Dalam Islam*, diterjemah oleh Muhammad Abdul Latif, Kuala Lumpur : Darul Nu'man.
- Sodri Ariffin dan Ahmad Shafee Sabaruddin (2002). *Keusahawanan : Rahsia Ke Puncak Kejayaan*, Petaling Jaya : Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Timmons, J. A. (1990). *New Venture Creation*, Illinois : Richard D Irwin, Homewood.
- Townsley, M. (2003). *Survivor's Guide To Small Business*, Mason South-Western, Thompson Learning Inc.
- Tsao, W.K. (1993). *Succes And Succession Lessons From The Chinese Cultural Traditions*, Singapore.
- Vesper, K. H. (1980). *New Venture Strategies*, New Jersey Prentice Hall, Eaglewood Cliffs.
- Wan Liz Ozman Wan Omar (2000). *Gagasan Alaf Baru : Mencetus Kebangkitan Malaysia Membina Keagungan*, Selangor : Thinker's Librarys Sdn. Bhd.
- Wan Madznah Wan Ibrahim dan Khalijah Ahmad (1994). *Yang Perlu Anda Tahu : Menubuhkan Perniagaan*, Kuala Lumpur : Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Wilken, P. H. (1979). *Entrepreneurship : A Comparative and Historical Study*, New Jersey : Ablex Publishing Corporation, Norwood.
- Yusof Ismail (1991), ‘Peranan Perniagaan’, disunting oleh Sheikh Ghazali Sheikh Abod dan Zamby Abdul Kadir, *Pengurusan Perniagaan Islam*, Shah Alam : Hizbi Sdn. Bhd.

Zaharuddin Yahya (1995). *Memilih Perniagaan : Ke Arah Pembentukan Usahawan & Pengujudan Perniagaan Yang Berdaya Maju*, Kelantan : Al-Kafilah Enterprise.

Zaidatol Akmaliah Lope Pihie dan Habibah Elias (1997). *Keusahawanan dan Motivasi Diri*, Serdang : Penerbit Universiti Putra Malaysia.

Zafir Mohd Makbul dan Fazilah Mohamad Hasun (2003). *Menjadi Usahawan : Panduan Menubuh dan Menguruskan Perusahaan Secara Profesional*, Pahang : FTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.